

SULIT

**PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM
TAHUN 2011**

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI
SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B.
 2. Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.
 3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
-

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

Bahagian A
[30 markah]
[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan beberapa amalan kejiranan. Huraikan pendapat anda tentang kebaikan hidup berjiran. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

AMALAN KEJIRANAN



Mengurangkan kes jenayah



Membantu jiran mendapatkan rawatan



Memastikan keselamatan anak-anak

Bahagian B**[100 markah]***(Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit)*

Pilih satu daripada soalan-soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Pelajar disarankan menguasai sekurang-kurangnya satu kemahiran yang relevan dengan tuntutan semasa seperti penguasaan bahasa kedua, kemahiran ICT, kemahiran berfikir, kemahiran berkomunikasi, atau kemahiran bekerja dalam pasukan.

Sebagai pelajar, apakah persediaan yang perlu anda lakukan bagi menguasai sekurang-kurang satu kemahiran tersebut.

2. 'Kebersihan bermula dari rumah'. Pernyataan ini mampu merangsang jiwa seseorang agar mencintai kebersihan.

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak supaya menjadi insan yang mementingkan kebersihan dalam kehidupan seharian.

3. Bidang keusahawanan atau perniagaan sebenarnya menjanjikan pulangan yang lumayan kepada pengusahaannya yang bersikap positif.

Pada pandangan anda, apakah sikap positif yang perlu dimiliki oleh seseorang usahawan atau peniaga yang ingin berjaya.

4. Pasukan bola sepak negara-negara Asia Tenggara belum mampu menyaingi pasukan bola sepak Jepun, China, Korea, Kuwait, Iraq dan Iran.

Berdasarkan situasi ini, cadangkan langkah-langkah berkesan yang boleh diambil oleh pihak pengurusan pasukan bola sepak negara-negara Asia Tenggara bagi meningkatkan mutu sukan bola sepak negara masing-masing.

5. Karya sastera kaya dengan nilai kemanusiaan.

Bincangkan pernyataan ini berdasarkan sebuah karya sastera yang pernah anda baca.

SULIT

**PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM
TAHUN 2011**

**MATA PELAJARAN
BAHASA MELAYU
Kertas 1**

KRITERIA PENSKORAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	- menepati tugasan soalan - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan tepat - penggunaan kosa kata luas dan tepat - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi - mesti menggunakan ungkapan yang menarik - idea relevan, huraian jelas dan matang
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	- menepati tugasan soalan - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan tepat - penggunaan kosa kata luas - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi - idea relevan, huraian jelas
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	- masih menepati tugasan soalan - bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca masih betul dan tepat - penggunaan kosa kata umum - wacana masih lengkap, unsur bahasa masih bervariasi - idea masih relevan, huraian masih jelas
Kurang Memuaskan	10 - 14 (12 – 14) (10 – 11)	- masih/kurang menepati tugasan soalan - bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat - kesalahan tatabahasa/ejaan ketara - penggunaan kosa kata terhad - wacana kurang lengkap, unsur bahasa kurang bervariasi - idea kurang relevan, huraian kurang jelas
Pencapaian Minimum	01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)	- calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis - banyak kesalahan bahasa (kata dan ayat) - idea tidak menepati tugasan soalan

Peringatan:

- Ungkapan menarik – peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain.
- Peringkat cemerlang – calon mesti menggunakan sekurang-kurangnya satu ungkapan menarik yang relevan.
- Jawapan yang menyeleweng, markah maksimum ialah ‘memuaskan’.
- Sekiranya calon menulis lebih 250 patah perkataan, periksa seperti biasa.
- Kesalahan ejaan tidak ditolak markah.

<http://banksoalanspm.blogspot.com/>
**Bahagian B- Karangan Respons Terbuka
(100 markah)**

Perincian Pemarkahan

Cara Pemeriksaan :

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan
2. Jika karangan :
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah dan pemotongan maksimum ialah sebanyak 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.

Bahagian B : Karangan Respons Terbuka(100 markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	- penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat - penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis - ejaan dan tanda baca betul - laras bahasa sesuai dengan tugasan - penggunaan kosa kata luas dan tepat - idea yang relevan mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas dan matang , disertakan dengan contoh yang sesuai - pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai - wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan - penggunaan unsur bahasa bervariasi - gaya bahasa menarik daripada segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa
KEPUJIAN	66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	- penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat - penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - ejaan dan tanda baca betul - laras bahasa sesuai dengan tugasan - penggunaan kosa kata luas dan tepat - idea yang relevan mengikut tugasan , diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai - pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai - wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan - penggunaan unsur bahasa masih bervariasi - gaya bahasa masih menarik daripada segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa
BAIK	51 – 65	- penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai - penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - ejaan dan tanda baca masih betul.

	(58 - 65) (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan kosa kata umum - laras bahasa sesuai mengikut tugas - idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai - pengolahan masih menarik dan pemerenggan masih sesuai - wacana masih lengkap - penggunaan unsur bahasa masih bervariasi - gaya bahasa kurang menarik daripada segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan
MEMUASKAN	36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata terhad - ayat kurang gramatis - ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum - penggunaan kosa kata umum dan terhad - laras bahasa kurang sesuai - idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai - pengolahan kurang menarik - wacana masih/kurang lengkap - penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi - gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan
KURANG MEMUASKAN	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan kata kurang tepat - ayat tidak gramatis tetapi masih difahami - terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - idea masih relevan/idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai - pengolahan tidak menarik - wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang - unsur bahasa tidak bervariasi - gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah
PENCAPAIAN MAKSIMUM	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> - keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis - kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai - pengolahan tidak menarik - wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai - gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik - keseluruhan karangan sukar/tidak difahami

KRITERIA PENSKORAN TAMAT

SULIT

**PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM
TAHUN 2011**

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI
SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan bagi **soalan 2(b), 2(c), 2(d)** dan soalan 4 berdasarkan teks komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan Klinik 1 Malaysia dan cabaran dalam pelaksanaannya.**

Rancangan penubuhan Klinik 1 Malaysia yang diumumkan oleh Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2010 pada 23 Oktober yang lalu telah menjadi kenyataan. Objektif utama penubuhan Klinik 1 Malaysia adalah untuk menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan ringan kepada penduduk di kawasan bandar. Pendekatan ini bersesuaian dengan konsep "Satu Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Bagi merealisasikan hasrat ini, kerajaan memperuntukkan RM10 juta setahun untuk menampung kos operasi bagi 50 buah Klinik 1 Malaysia di seluruh negara.

Penubuhan klinik ini mampu mengurangkan beban pesakit di klinik kesihatan di kawasan bandar. Selain itu, klinik ini juga dapat mempertingkatkan akses penduduk bandar yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk mendapatkan rawatan perubatan ringan. Klinik 1 Malaysia dikendalikan oleh seorang penolong pegawai perubatan dan seorang jururawat terlatih. Antara skop perkhidmatan yang disediakan adalah meliputi perkhidmatan rawatan ringan, susulan kes penyakit kronik, dan melakukan prosedur rawatan ringan. Klinik ini beroperasi setiap hari bekerja bermula 10.00 pagi hingga 10.00 malam dengan melibatkan penggiliran syif bekerja. Semua Klinik 1 Malaysia dibuka di kawasan berpenduduk melebihi 10 ribu orang dan boleh dihubungi dengan cepat dan mudah.

Perkhidmatan perubatan merupakan keperluan asas bagi semua masyarakat di dunia. Malangnya, golongan yang berpendapatan rendah di bandar sering menghadapi masalah kewangan untuk mendapatkan rawatan di klinik maupun hospital swasta. Tambahan pula, hospital dan klinik kesihatan kerajaan disediakan di kawasan yang terlalu jauh bagi penduduk di kawasan penempatan tertentu. Mereka juga terpaksa berhadapan dengan masalah kesesakan klinik kesihatan di kawasan bandar. Hal yang demikian ini menyebabkan mereka terpaksa mengambil masa yang lama untuk mendapatkan perkhidmatan yang berkualiti. Kewujudan kemudahan ini membuktikan bahawa kerajaan begitu komited dan mengambil berat masalah kesihatan rakyat. Jabatan Kesihatan sentiasa memantau klinik ini bagi memastikan segala kemudahan dan bekalan ubat mencukupi. Klinik 1 Malaysia juga menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada golongan berpendapatan rendah tanpa mengira kaum. Selain itu, Klinik 1 Malaysia dapat mengurangkan kesesakan di hospital kerajaan.

Kenaikan harga barang pengguna yang ketara menyebabkan penduduk berpendapatan sederhana jatuh ke status golongan berpendapatan rendah. Keadaan ini menjadi penghalang mereka mendapatkan perkhidmatan perubatan yang lebih berkualiti di klinik dan hospital swasta kerana melibatkan kos yang tinggi. Di samping itu, klinik 1 Malaysia dapat mengurangkan kebergantungan orang ramai terhadap klinik-klinik swasta yang mengenakan harga sesuka hati. Sewajarnya, kewujudan klinik ini dipandang positif kerana mengambil kira kebijakan rakyat *tanpa sebarang prejedis*. Klinik ini juga tidak mementingkan keuntungan kerana mengenakan bayaran serendah RM1. Diharapkan projek murni ini tidak terhenti setakat ini sahaja. Kemudahan ini perlu ditambah dan diperluas dari semasa ke semasa demi keselesaan dan manfaat kepada rakyat Malaysia.

[Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana 'Klinik 1 Malaysia Memenuhi Aspirasi Rakyat' oleh Noor Mohamad Shakil Hameed, Dewan Masyarakat, Mac 2010]

Soalan 2 : Pemahaman
[35 markah]

Soalan 2(a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata tanpa sebarang prejedis. [2 markah]
- (ii) Apakah masalah yang dihadapi oleh golongan yang berpendapatan rendah di bandar untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh kerajaan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan Klinik 1 Malaysia? [4 markah]

Soalan 2(b) Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Hantarkan ke rumah kanak-kanak cacat. Buat susah-susah mak pelihara si Pungut tu, apa dapat? Kalau anak orang lain, dah besar dah boleh kerja, dah boleh bantu bayar duit air, duit api." Pilu hati Mak Timah mendengar pendapat anak lelakinya tentang Pungut. Mak Timah hairan dengan sikap orang sekarang. Semuanya mengira duit, semuanya mahu untung, tidak mahu rugi. Pelihara anak mahu balasan. Orang sekarang, fikir Mak Timah, tidak seperti orang dahulu, memelihara anak ikhlas, menolong orang ikhlas, kerana Allah. Entahlah apa hendak jadi dengan orang sekarang ini? Setiap kali anak lelakinya mengeluarkan cadangan untuk menghantar Pungut ke rumah kanak-kanak cacat, Mak Timah akan menjawab, "Bila aku dah mati nanti, hantarlah dia ke mana kau suka, apabila aku dah tak ada nanti. Selagi aku hidup ini, biarlah aku pelihara, selagi aku masih teriarat. Dah dua puluh empat tahun pun aku pelihara dia, kalau kucing pun orang sayang, inikan pulak manusia. Aku hanya minta pada Tuhan biarlah Pungut mati dulu sebelum aku mati, biar dia tak susahkan kau orang lagi." Itulah jawapan Mak Timah apabila terjadi pertengkaran dengan anak lelakinya. Anak lelakinya akan diam, tidak memberi sebarang cadangan apabila Mak Timah menyebut tentang mati.

(Dipetik daripada cerpen Pungut Alias Zahara Alias Yap Siew Hong oleh Mohamed Latiff Mohamed dalam antologi Dirgahayu Bahasaku, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Mengapa anak-anak Mak Timah mencadangkan Pungut dihantar ke rumah kanak-kanak cacat? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda mengapa nilai kemanusiaan semakin terhakis dalam masyarakat sekarang? [3 markah]
- (iii) Huraikan satu persoalan dalam petikan cerpen di atas dan satu persoalan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Bijaksana sekali Raja Indera Bumaya itu." Maka kata tuan puteri, "Hai nuri, di manakah Raja Indera Bumaya itu sekarang?" Maka sahut nuri itu, "Ya tuanku tuan puteri, adapun baginda itu hampir datang ke negeri ini." Maka tuan puteri pun berahilah hendak melihat akan Raja Indera Bumaya itu. Maka tuan puteri pun berkata, "Hai nuri dapatkah engkau tunjukkan aku rupanya Raja Indera Bumaya itu?" Maka sahut nuri itu, "Dapatlah juga patik tunjukkan." Maka nuri itu pun menyelit dada tuan puteri itu dengan sayapnya, maka kelihatanlah rupa Raja Indera Bumaya itu kepada tuan puteri itu. Syahadan, seketika itu maka nuri itu pun menjadi bunga yang sudah dikarang *dengan cemerlang terlalu indah-indah rupanya*. Setelah tuan puteri dan segala dayang-dayang melihat nuri itu menjadi bunga maka tuan puteri hairanlah seraya mengambil bunga itu lalu diciumnya.

Setelah maka Raja Indera Bumaya pun mengembalikan dirinya yang sediakala duduk di kanan Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi. Setelah dilihat oleh tuan puteri bunga itu menjadi seorang laki-laki terlalu elok parasnya dan sikapnya terlalu pantas, maka di dalam hati tuan puteri, "Inilah rupanya yang dikatakan oleh nuri, ini juga rupanya yang menjadi bayan ini dan nuri menjadi bunga." Di dalam hati tuan puteri, "Bijaksana sekali-kali Raja Indera Bumaya ini." Maka Raja Indera Bumaya pun mengembalikan dirinya seperti yang sediakalanya.

(Dipetik daripada **Hikayat Langlang Buana**, antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *dengan cemerlang terlalu indah-indah rupanya* berdasarkan petikan di atas. [2 markah]
- (ii) Nyatakan tiga peringkat perubahan diri Raja Indera Bumaya sebelum menjadi dirinya yang sebenar. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah keistimewaan Raja Indera Bumaya yang memikat hati Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi? [3 markah]

Soalan 2(d) Puisi

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Harga Remaja

Berapakah sebenarnya harga remaja
yang bersih
dari gelodak kecewa
bagai kehijauan daun
bagai kesegaran pohon
di pinggir perjalanan ini?

Dengan apakah akan kaupenuhi
piala remajamu
adakah cuka kesangsian
dari cinta murah
atau madu ajaran
dari ilmu susah?

Remaja amat mahal
sesungguhnya
tiada terbeli oleh perjanjian
harga remaja adalah
pendirian
keberanian dan ilmu.

Penuhi remajamu
dengan ketentuan tuju.

RAHMAN SHAARI
antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Nyatakan perkara-perkara yang remaja boleh lakukan untuk memanfaatkan usia muda. [2 markah]
- (ii) Berikan tiga cadangan untuk mengelakkan remaja terjebak dalam gejala sosial. [3 markah]
- (iii) Jelaskan dua nilai yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) Tulis **satu** ayat bagi setiap kata terbitan berimbuhan sisipan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, menggunakan perkataan sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) bergerigi
- (ii) bergeletar
- (iii) bergerodak
- (iv) bergemerlap
- (v) bersemerbak
- (vi) berkeruping

[6 markah]

- (b) Baca ayat-ayat di bawah dan nyatakan golongan kata bagi setiap kata yang bergaris dalam ayat tersebut. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Gagasan 1 Malaysia diyakini dapat membantu negara ini mengecap kemakmuran dari segi pembangunan dan kesejahteraan hidup.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Konsep edagang lebih tertumpu pada perdagangan yang menggunakan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi sebagai wahana interaksi dan transaksi.
- (ii) Kerajaan sedang giat memperindahkhan kawasan alam sekitar agar dapat menarik pelancung sama ada dari dalam maupun luar negara.
- (iii) Dalam kontek pengurusan, seorang ketua yang baik mengupaya memaksimumkan semua input yang terdapat dalam organisasi.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Perluasan Islam ke Eropah menyentuh mengenai faktor pertembungan tamadun Islam dengan tamadun Eropah.
- (ii) Budaya keusahawanan perlu dipupuk sejak di bangku sekolah kerana budaya ini mampu menjana peluang keuntungan lumayan pada masyarakat.
- (iii) Perusahaan kejuruteraan mendapat manfaat besar daripada kajian astronomi melalui perkembangan berbagai bidang kejuruteraan.

[6 markah]

14 marks

(e) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian beri **maksud peribahasa yang dihitamkan..**

Abah termangu lagi. Setiap waktu abah menghitung hari. Lama-kelamaan dia akan tua juga. Dia akan menjadi seperti bapanya. Menjadi tua dan uzur. Jika dia terus membantah tindakan anaknya, sampai bila mereka akan berbaik semula. Abah tidak mahu berpatah arang, berkerat rotan. Abah juga tidak mahu berkeras seperti bapanya yang keras kepala. Semasa abah hendak memeluk Islam datuk Anang melarang tindakannya. Sehingga datuk Anang meninggal akibat dilenyek gajah turun minyak ketika memburu di hutan. Sesudah itu, barulah abah boleh memeluk Islam tanpa halangan.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel**[15 markah]**

Jawab soalan di bawah. Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah.
- (ii) Kembara Amira karya Amer Hmzah L. Kadir.

- (a) Jelaskan **dua peristiwa** yang menyayat hati berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari.

[7 markah]

- (b) Huraikan latar masyarakat berdasarkan **dua buah novel** yang anda pelajari.

[8 markah]**KERTAS SOALAN TAMAT**

SULIT

PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM

TAHUN 2011

BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- a. Isi - **20** markah
- b. Bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan:

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan.

1. Nama khas
2. Perkataan berulang
3. Penggunaan kata depan
4. Tarikh
5. Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah												Markah
Pendahuluan													2
Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12				
Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4				16
Penutup/Kesimpulan													2
Jumlah markah													20

Pendahuluan/Pengenalan [2 markah]

Petikan membincangkan **peri mustahaknya/kebaikan/kelebihan/manfaat** Klinik 1 Malaysia kepada rakyat/masyarakat di negara ini/ penduduk di bandar. (2m)

Isi tersurat [4 - 12 markah]

(peri mustahak)

1. menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan ringan kepada penduduk di kawasan bandar. (2m)
2. bersesuaian dengan konsep "Satu Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan." (2m)
3. mampu mengurangkan beban pesakit di klinik kesihatan di kawasan bandar.(2m)
4. mempertingkatkan akses penduduk bandar yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk mendapat rawatan perubatan ringan. (2m)
5. Lokasinya berhampiran dengan penempatan orang ramai/di kawasan padat penduduk yang menjadikannya mudah dan cepat dihubungi. (2m)
6. Kerajaan begitu komited/mengambil berat masalah kesihatan rakyat. (2m)
7. Menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada golongan berpendapatan rendah tanpa mengira kaum. (2m)
8. Mengurangkan kesesakan di hospital kerajaan. (2m)
9. Mengurangkan kebergantungan orang ramai terhadap klinik swasta yang mengenakan harga sesuka hati. (2m)
10. Mengambil kira kebijakan rakyat/tidak mementingkan keuntungan kerana mengenakan bayaran serendah RM1. (2m)

Isi tersirat [4 - 12 markah]

(cabaran)

1. Klinik 1 Malaysia terpaksa bersaing perkhidmatan klinik swasta. (2m)
2. Orang ramai belum yakin perkhidmatannya kerana rawatan dikendalikan oleh pembantu perubatan. (2m)
3. Golongan masyarakat yang berpendapatan tinggi mengambil kesempatan mendapat rawatan dengan bayaran yang murah. (2m)
4. Perkhidmatannya pada hari-hari bekerja sahaja. (2m)
5. Kekurangan petugas yang ditempatkan di sesebuah klinik. (2m)
6. Bilangan Klinik 1 Malaysia masih berkurangan berbanding jumlah rakyat berpendapatan rendah. (2m)

Kesimpulan [2 markah]

1. Orang ramai perlu merebut peluang mendapatkan perkhidmatan Klinik 1 Malaysia supaya taraf kesihatan penduduk berpendapatan rendah di bandar terjamin. (2m)

Atau

2. Semua pihak perlu menyambut baik penubuhan Klinik 1 Malaysia supaya keperluan asas ini dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia. (2m)

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada setengah markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut.

Peringkat	Markah isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20	9 - 10	- Kesinambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik
	15 - 17	7 - 9	- Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul.
Sederhana	12 - 14	6 - 7	- Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan
	8 - 11	4 - 6	- Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan masih Memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	- Pada keseluruhannya serba kekurangan/ tidak memuaskan

Nota:

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, **berikan 0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** perkataan, **markah tidak dipotong**.
- (v) Jika jawapan ditulis dalam bentuk poin, berikan 50% daripada markah bahasa yang diperoleh.

[Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- 2(a) : **9** markah
- 2(b) : **9** markah
- 2(c) : **8** markah
- 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks, dan jawapan itu **tepat/betul**, berikan **separuh (50%)** daripada **markah yang diperuntukkan** sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2 (a) : Petikan Umum

Markah

- (i) Maksud rangkai kata *tanpa sebarang prejudis*
tiada prasangka langsung/ tiada anggapan buruk
[maksimum: 2 markah]
- (ii) Masalah yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah.
- kewangan untuk mendapatkan rawatan di klinik/hospital swasta 1
 - hospital/klinik terletak jauh 1
 - kesesakan klinik kesihatan di bandar 1
 - mengambil masa yang lama untuk mendapatkan perkhidmatan 1
- [maksimum: 3 markah]**

- (iii) Langkah meningkatkan kualiti perkhidmatan Klinik I Malaysia
- doktor yang berkelayakan 1
 - perkhidmatan tujuh hari seminggu 1
 - pemantauan yang berkesan oleh jabatan kesihatan 1
 - bekalan ubat yang berkualiti sentiasa mencukupi 1
 - layanan mesra/mesra pengguna 1
 - kemudahan peralatan kesihatan yang berkualiti 1
 - perkhidmatan perubatan yang standard di seluruh negara 1

[maksimum: 4 markah]

Soalan 2(b) : Petikan Cerpen

(i) Sebab

- kehidupannya menyusahkan keluarga 1
- tidak menguntungkan 1
- tidak mendatangkan faedah 1
- membebankan keluarga 1
- tidak dapat membantu keluarga dari segi kewangan 1

[maksimum: 2 markah]

(ii) Sebab

- perasaan kasih sayang sesama insan semakin luntur 1
- bersifat individualistik 1
- enggan menanggung beban 1
- terlalu mementingkan kebendaan 1
- asas didikan agama kurang mantap 1
- sikap prejudis/sangka buruk terhadap orang lain 1

[maksimum : 3 markah]

(iii) **Persoalan dalam petikan**

- Keikhlasan menjaga anak istimewa.
Contoh : Kerelaan Mak Timah menjaga Pungut walaupun dia telah tua dan tidak sihat. 1 + 1
- Kasih sayang yang tidak terbatas sesama insan.
Contoh : Mak Timah(Melayu) sanggup dan rela memelihara Pungut daripada keturunan Cina. 1 + 1

Persoalan yang tidak terdapat dalam petikan

- Ketabahan menjalankan tanggungjawab yang berat.
Contoh: Mak Timah tetap menjaga Pungut walaupun dia sudah tua dan tidak sihat.
: Mak Timah sentiasa membawa Pungut ke mana-mana sahaja dia pergi.
- 1 + 1
- Kepincangan masyarakat dalam hal menguruskan anak istimewa/cacat.
Contoh: Siew Lan tidak mahu anak cacat dan hendak membuangnya.
: Anak istimewa dijadikan barang dagangan.
- 1 + 1
- Kepercayaan tahuyl dalam meramal masa depan.
Contoh: Mak Timah berjumpa bomoh Dolah untuk mengetahui sebab Pungut terkenan patung.
- 1 + 1
- Keredaan menerima takdir Tuhan.
Contoh: Siew Lan tidak dapat menerima kehadiran anak cacat.
- 1 + 1
- Amalan kebajikan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.
Contoh: Mak Timah terfikir amalan baik yang dibuatnya akan mendapat pahala jika dia mengambil dan memelihara Pungut.
- 1 + 1

[maksimum: 4 markah]

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Klasik

- (i) Maksud *dengan cemerlang terlalu indah-indah rupanya dengan bersinar/bercahaya sekali/ tersangat cantik dan berseri-seri wajahnya*
- [maksimum: 2 markah]**
- (ii) Tiga peringkat perubahan
- | | |
|--|---|
| - nuri | 1 |
| - Raja Indera Bumaya/menjadi dirinya sendiri | 1 |
| - bunga | 1 |
- [maksimum: 3 markah]**
- (iii) Keistimewaan Raja Indera Bumaya
- | | |
|--|---|
| - pandai bercerita/berpantun. | 1 |
| - mempunyai kesaktian/boleh menjelma diri dalam pelbagai rupa. | 1 |
| - sikapnya terlalu pantas. | 1 |
| - terlalu elok rupa parasnya. | 1 |
| - suaranya merdu. | 1 |
| - pandai memujuk/romantik | 1 |
| - baik budi bahasa. | 1 |
| - bijaksana. | 1 |

[maksimum: 3 markah] **Bank Soalan SPM.blogspot**

2(d) : Pemahaman puisi

(i) Perkara-perkara yang memanfaatkan usia muda

- menuntut ilmu 1
- menguasai pelbagai kemahiran 1
- menentukan hala tuju kehidupan 1

[maksimum: 2 markah]

(ii) Cadangan

- memberikan pendidikan agama/moral/taat perintah agama. 1
- menggalakkan remaja melibatkan diri dalam aktiviti berpersatuan/ bersukan/berekreasi. 1
- mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah/sihat/selamat. 1
- menjaga batas-batas pergaulan/tidak bergaul dengan rakan-rakan yang buruk akhlak/perangai. 1
- mengamalkan nilai-nilai murni sepanjang masa. 1

[maksimum: 3 markah]

(iii) Nilai-nilai

- Kegigihan

Contoh: Remaja perlu gigih menuntut ilmu pengetahuan.

1+1

- Keberanian

Contoh : Remaja perlu berani berhadapan dengan pelbagai dugaan ketika usia remaja. 1+1

- Berhati-hati

Contoh : Remaja perlu berhati-hati dalam percintaan usia muda. 1+1

- Menghargai

Contoh: Remaja perlu menghargai usia remaja dan memanfaatkan dengan perkara-perkara yang berfaedah. 1+1

- Berwawasan

Contoh: Remaja perlu berpandangan jauh dan mempunyai hala tuju yang jelas dalam hidup. 1+1

[maksimum: 4 markah]

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul.
2. **Tolak $\frac{1}{2}$ markah** bagi kesalahan **ejaan dan jalan bahasa/tanda baca** untuk keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, **berikan 0 markah**.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, **berikan 0 markah**.
5. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, **tolak $\frac{1}{2}$ markah** bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah
11. Ayat yang tidak logik berikan **0 markah**

Soalan 3 (a) Bina Ayat

(i)	bergerigi	:mempunyai gerigi/banyak geriginya.
(ii)	bergeletar	:gementar kerana ketakutan/demam
(iii)	bergerodak	:berbunyi seperti batu di dalam peti kalau digoyang.
(iv)	bergemerlap	:berkilat-kilat/berkilauan
(v)	bersemerbak	:bau yang wangi
(vi)	berkeruping	:mempunyai selaput kering pada kudis atau luka

[Maksimum : 6 markah]

Perhatian bagi soalan 3(b)

1. Berikan **1 markah** bagi setiap jawapan yang betul.
2. Pelajar tidak perlu menyalin ayat semula.

Jawapan 3(b)

Bil	Perkataan	Golongan kata
1.	1 Malaysia	Kata Nama Khas
2.	membantu	Kata Kerja Transitif
3.	ini	Kata Tunjuk
4.	dari	Kata Sendi Nama
5.	dan	Kata Hubung
6.	hidup	Kata Nama Am

[Maksimum : 6 markah]

3 (c)

Bil.	Kesalahan	Pembetulan
i.	edagang	e-dagang
	infrastruktur	infrastruktur
ii.	memperindahkan	memperindah
	pelancung	pelancong
iii	kontek	konteks
	mengupaya	berupaya

[Maksimum : 6 markah]

3 (d)

Bil.	Kesalahan	Pembetulan
i.	Perluasan	Penyebaran
	mengenai	tentang
ii	keuntungan	pendapatan
	pada	kepada
iii	Perusahaan	Industri
	berbagai	berbagai-bagai/pelbagai

[Maksimum : 6 markah]

Perhatian bagi soalan 3(e)

1. Berikan 2 markah bagi setiap maksud peribahasa yang betul

Peribahasa	Maksud
berpatah arang, berkerat rotan.	berpisah yang tidak akan berbaik lagi.
keras kepala.	degil / ketegar
turun minyak	jadi berang / mengamuk

[Maksimum : 6 markah]

Bank Soalan SPM.blogspot

Soalan 4

Markah penuh 15 markah.

Panduan pemarkahan bagi soalan 4

4(a)

- (i) Jawapan berdasarkan **sebuah novel** yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat **lengkap**
- (iii) Berikan **2 markah** bagi setiap peristiwa yang lengkap/jelas.
- (iv) Berikan **1 markah** bagi peristiwa yang kurang lengkap/kurang jelas.
- (v) Markah **isi maksimum 4 markah** (maksimum 2 markah bagi setiap isi)
- (vi) Markah **bahasa maksimum 3 markah**
- (vii) Markah bahasa diberikan secara ‘impression’
 - i. Baik = 3 markah
 - ii. Sederhana = 2 markah
 - iii. Lemah = 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 7 markah]

4(a) Peristiwa menyayat hati

Novel Azfa Hanani

- i. Pak Long Madi tidak mampu membeli pakaian sekolah yang baru untuk Azfa Hanani kerana kemiskinan walaupun pakaian sekolah yang lama tidak padan dengan Azfa Hanani.
- ii. Azfa Hanani menolak jawatan pengawas kerana tidak mahu menyusahkan Pak Longnya untuk membeli pakaian pengawas yang mahal harganya.
- iii. Peristiwa kemalangan jalan raya 16 tahun yang lalu yang menyebabkan kematian ibu bapanya akibat kecuaian Tengku Makmur. Azfa Hanani tercampak keluar melalui tingkap teksi. Datin Maziah berasa kasihan melihat Azfa Hanani yang masih bayi menangis lalu menyusukannya di tempat kejadian.
- iv. Ketika Azfa Hanani makan tengah hari di rumah Datin Maziah, dia terpandang ayam goreng. Hatinya sayu teringat sepupunya di kampung yang sekali sekala menikmati ayam goreng.
- v. Azfa Hanani dihina oleh Datuk Tengku Makmur yang menuduhnya menyamar menjadi Murni untuk mendapatkan duit sedangkan Azfa Hanani menolong dengan ikhlas. Hati Azfa Hanani amat terguris apabila Datuk Tengku Makmur memberikannya RM500 sebulan untuk tujuan tersebut.
- vi. Azfa Hanani dihalau oleh Datin Maziah apabila mengetahui asal-usulnya semasa Azfa Hanani bertengkar dengan Tengku Muzaffar. Datin Maziah telah menampar dan memaksa Azfa Hanani menunjukkan bukti bahawa dia ialah Murni. Azfa Hanani tidak dapat membuktikannya dan mengaku menyamar sebagai Murni.

Novel Kembara Amira

- i. Apabila pesawat Cesna menjunam, api merebak di bahagian enjin. Ridley dan Brenda tersepit. Badan mereka berlumuran darah, sementara Samantha tercampak sewaktu pesawat itu meletup. Ludin dan Tau menangis kerana belum pernah melihat api yang sebegitu besar.
- ii. Jidin membawa pulang seorang kanak-kanak berambut merah dan bermata biru. Kehadiran Samantha dianggap pelik. Penduduk hutan menoleh kehadiran Samantha atau Ipah kerana dianggap menghilangkan semangat hutan. Ada cadangan daripada penduduk orang asli di situ supaya Jidin menyerahkan Ipah ke hutan semula. Jidin sengsara kerana terpaksa berhadapan dengan cabaran besar untuk mempertahankan tindakannya.
- iii. Apabila Amira dan Itai membawa Malique turun dari puncak bukit, Tau atau makhluk berbulu menjadi berang kerana dia tidak mahu orang lain mengambil Malique. Dia menangis dan meratap hiba kerana dapat bertemu Sabi kembali.
- iv. Tau berasa hiba kerana Jennifer memilih untuk mengikut Johnny dan membawa Sabi, sebaliknya meninggalkan Itai yang masih kecil. Dia terpaksa menghadapi konflik jiwa yang mendalam. Orang kampung menganggap Tau gagal menjaga isterinya, pada hal Ipah atau Jennifer ingin pergi dari perkampungan itu kerana orang kampung tidak boleh menerima kehadirannya. Kini, Tau lebih sanggup kehilangan Ipah daripada kehilangan Sabi.

4(b)

- (i) Jawapan berdasarkan **dua buah novel** yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan **1 markah** bagi setiap latar yang **lengkap** daripada mana-mana novel.
- (iv) Berikan **2 markah** bagi setiap huraian yang **lengkap**
- (v) **Berikan 1 markah** bagi huraian yang kurang **lengkap**
- (vi) Markah isi maksimum **6 markah** (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
- (vii) **Markah bahasa maksimum 2 markah**
- (viii) Markah bahasa diberikan secara *impression*.

Baik	= 2 markah
Lemah	= 1 markah
- (ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- (x) Calon tidak menjawab, 0 markah.

[Maksimum: 8 markah]

4(b) Latar Masyarakat

Azfa Hanani

- i) Masyarakat golongan hartawan/korporat
Huraian: Dato Minhad, bapa Laili mampu memberi sumbangan RM10,000 untuk program Hari Sumbangsih.
: Kehidupan keluarga Datuk Tengku Makmur yang serba mewah.
- ii) Masyarakat yang prihatin/simpati/ambil berat
Huraian: Tengku Mazran yang bersimpati dengan kesedihan ibunya Datin Maziah kerana kehilangan Murni lalu mengambil Azfa Hanani sebagai gantinya
: Tengku Mazran dan Kak Syafinaz prihatin atas nasib Zuraini yang lumpuh lalu berjanji menampung kos rawatan di luar negara.

iii) Masyarakat miskin

Huraian: Keluarga Pak Long Madi hidup dalam kemiskinan di kampung/bekerja sebagai penoreh getah/tidak mampu menyediakan makanan enak/tidak mampu menukar pakaian sekolah yang baru untuk Azfa Hanani/hampir-hampir memberhentikan persekolahan Azfa Hanani.

iv) Masyarakat yang bekerjasama

Huraian: Murid-murid tingkatan 5 melalui Persatuan Tingkatan Lima SM Taman Sari bekerjasama menjayakan program Hari Sumbangsih sehingga berjaya mengumpul dana RM16,655.00

V) Masyarakat khianat

Huraian : Tengku Muzaffar sanggup menghina Ekran dan memutuskan hubungannya dengan Tengku Murni sehingga menyebabkan Murni kecewa lalu terlibat dalam kemalangan jalan raya.

:Tengku Muzaffar menghalang Azfa Hanani berkawan dengan Ekran dengan membakar gerai burger Ekran..

Kembara Amira:

i) Masyarakat kaum asli.

Huraian: Kaum Asli Semai tinggal bersebelahan anak bukit di bahagian tenggara Bukit Mat Raya. Terdiri daripada Tau, Itai dan Ludin. Mereka tidak mahu pencari emas, peneroka balak, dan pengkaji arkeologi mengganggu kehidupan mereka. Akhirnya mereka mengetahui kumpulan arkeologi dapat menyelamat hutan mereka.

ii) Masyarakat pelajar yang memanfaatkan masa cuti.

Huraian: Amira dan Jacinta sering mengikut Prof. Zaidah membuat kajian arkeologi semasa cuti persekolahan.
: Itai belajar ilmu tentang hutan daripada Tau semasa cuti sekolah.

iii) Masyarakat yang mementingkan hubungan persahabatan.

Huraian: Amira dan Jacinta bersahabat baik walaupun berbeza bangsa dan agama.

iv) Masyarakat penyayang.

Huraian: Prof Zaidah/Ludin menyayangi anaknya.

v) Masyarakat yang mempertahankan tanah tempat tumpah darah

Huraian: Tau tidak suka kehadiran orang luar ke kawasannya.

vi) Masyarakat yang menghargai peninggalan sejarah.

Huraian: Prof Zaidah, rakan-rakannya dan pelajar berusaha mencari bukti tentang kewujudan tamadun manusia di hutan

vii) Masyarakat yang tamak akan kekayaan.

Huraian: John O'Hara dan pencuri emas sanggup mengorbankan khazanah hutan demi kekayaan melalui projek cari gali emas.

viii) Masyarakat prihatin.

Huraian: Jidin menyelamatkan Samantha apabila kapal terbang yang dipandu Ridley terhempas dan terbakar.